

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**MENJAWAB**

**SOALAN No. 84**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap gerakan Sarawak keluar dari Malaysia yang diusahakan oleh beberapa golongan di Sarawak dan adakah negeri Sarawak dibenarkan keluar dari Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 serta apakah tindakan yang boleh diambil kepada mereka yang terlibat dalam usaha memisahkan Sarawak dari Malaysia.

**JAWAPAN:**

1. Tiada apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Malaysia 1963, Perjanjian Malaysia 1963 mahupun *Inter-Governmental Committee Report (IGC Report)* yang menyatakan berkenaan dengan mana-mana hak bagi Negeri Sabah dan Sarawak untuk keluar dari Malaysia. Hak untuk keluar dari Malaysia sememangnya tidak dicadangkan sebagai terma penubuhan Malaysia. Hal ini dapat dilihat dalam Laporan Suruhanjaya Cobbold seperti yang berikut:

***“Right to Secede***

*A number of witnesses suggested that there should be a trial period with a right to secede from the Federation after a stated number of years. We believe that inclusion of a secession clause would mean a continuation throughout the trial period of political and perhaps racial divisions. We feel that if it is decided to create a Federation, decision should be made wholeheartedly and without reservations. We do not recommend inclusion of a secession clause.”*

2. Antara tindakan yang boleh diambil terhadap orang yang terlibat dalam usaha memisahkan Sarawak dari Malaysia adalah seperti yang berikut:

(a) Akta Hasutan 1948 [Akta 15]

***“Kesalahan***

4. (1) *Mana-mana orang yang—*

- (a) melakukan atau cuba melakukan, atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan, atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan, apa-apa perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut;
- (b) menyebut apa-apa perkataan menghasut;
- (c) mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan semula apa-apa penerbitan menghasut; atau
- (d) mengimport apa-apa penerbitan menghasut,

*melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun; dan apa-apa penerbitan menghasut yang didapati dalam milik orang itu atau yang digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraannya hendaklah dilucutahkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.*

*(2) Mana-mana orang yang ada dalam miliknya tanpa sebab yang sah apa-apa penerbitan menghasut melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan*

*selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau keduanya, dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan penerbitan itu hendaklah dilucuthakkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.”.*

Tafsiran “menghasut” dan “kecenderungan menghasut” masing-masing diperuntukkan di bawah seksyen 2 dan 3 Akta 15 seperti yang berikut:

**“Tafsiran**

**2. Dalam Akta ini—**

*“menghasut” apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut;*

**Kecenderungan menghasut**

**3. (1) Sesuatu “kecenderungan menghasut” ialah kecenderungan—**

- (a) *bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;*

- (b) bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa juga yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;
- (c) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;
- (d) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;
- (e) bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
- (f) bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.”.

Bagaimanapun, seiring dengan dasar kerajaan yang menggalakkan kebebasan bersuara seperti termaktub di bawah Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, pemakaian peruntukan di bawah Akta Hasutan ini hanya diguna pakai dalam keadaan yang perbuatan menghasut tersebut menimbulkan suasana yang tidak terkawal sehingga menjelaskan kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam.

(b) Kanun Keseksaan [Akta 574]

***“Waging or attempting to wage war or abetting the waging of war against the Yang di-Pertuan Agong, a Ruler or Yang di-Pertua Negeri***

***121. Whoever wages war against the Yang di-Pertuan Agong or against any of the Rulers or Yang di-Pertua Negeri, or attempts to wage such war, or abets the waging of such war, shall be punished with death or imprisonment for life, and if not sentenced to death shall also be liable to fine.***

***Offences against the authority of the Yang di-Pertuan Agong, Ruler or Yang di-Pertua Negeri***

***121B. Whoever compasses, imagines, invents or intends the deposition or deprivation of the Yang di-Pertuan Agong from the sovereignty of Malaysia or the deprivation or deposition of the Ruler, his heirs or successors, or of the Yang di-Pertua Negeri from the rule of a State, or the overawing by means of criminal force or the show***

*of criminal force the Government of Malaysia or of any State, shall be punished with imprisonment for life and shall also be liable to fine.*

***Abetting offences under section 121A or 121B***

***121C. Whoever abets the commission of any of the offences punishable by section 121A or 121B shall be punished with the punishment provided for the said offences.”***

Kesalahan di bawah seksyen 121, 121B dan 121C hanya terpakai sekiranya melibatkan tindakan yang serius seperti perbuatan atau persediaan melakukan perbuatan dengan jalan kekerasan jenayah atau dengan menunjukkan kekerasan jenayah yang melibatkan tindakan seperti membuat persediaan penggunaan senjata atau penggunaan senjata.

Sekian, terima kasih.